

Analisis keperluan Pembangunan Modul Tarian Tradisional Melayu Zapin bagi kalangan Kanak-kanak Prasekolah

Needs Analysis For The Development Of The Zapin Malay Traditional Dance Module For Preschool Children

Maisarah Mohd Alim^{1*}, Azizah Zain¹, Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin³

Jabatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Fakulti Pembangunan Manusia,
Universiti Pendidikan Sultan Idris¹
Jabatan Komunikasi dan Media, Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris²

maisarahmohdalim@gmail.com¹, azizah.zain@fpm.upsi.edu.my²,
sitinoramalina@fbk.upsi.edu.my³

*Corresponding Author

Received: 30 November 2023; **Accepted:** 06 May 2023; **Published:** xx xx 2023

To cite this article (APA): Mohd Alim, M., Zain, A., & Ahmad Tajuddin, S. N. A. (2023). Needs Analysis For The Development Of The Zapin Malay Traditional Dance Module For Preschool Children: Analisis keperluan Pembangunan Modul Tarian Tradisional Melayu Zapin bagi kalangan Kanak-kanak Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 12(1), 70–84. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol12.1.7.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jpak.vol12.1.7.2023>

ABSTRAK

Pembelajaran terhadap tarian Melayu Zapin merupakan satu seni tari penting yang perlu disemai dalam jiwa kanak-kanak. Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 dalam aspek pendidikan telah menyatakan hasrat untuk meningkatkan penghayatan dan apresiasi terhadap seni, budaya dan warisan negara untuk setiap peringkat pendidikan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 juga menjustifikasi, kanak-kanak perlu mendapat pengetahuan am mengenai sejarah, bidang seni dan muzik. Maka, kurikulum pendidikan prasekolah harus diperkembangkan dengan menambah baik kualiti pembelajaran kanak-kanak menerusi tarian tradisional Melayu Zapin agar kesenian budaya ini akan terus terpelihara. Satu kajian analisis keperluan dijalankan untuk mengenal pasti keperluan guru prasekolah terhadap pembangunan modul tarian tradisional Melayu Zapin dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Reka bentuk kajian ini adalah jenis tinjauan yang menggunakan kaedah kuantitatif. Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan di mana melibatkan seramai 83 guru prasekolah telah terlibat dalam menjawab instrumen borang soal selidik. Seterusnya, data kajian dianalisis secara deskriptif menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 26. Dapatan kajian menunjukkan, guru prasekolah mempunyai tahap persetujuan yang tinggi dengan nilai min 4.06 terhadap masalah dalam pelaksanaan tarian tradisional bersama kanak-kanak prasekolah. Selain itu, guru prasekolah juga menyatakan persetujuan tinggi dengan nilai min 4.13 terhadap keperluan untuk membangunkan sebuah modul tarian tradisional Melayu Zapin berasaskan pergerakan berirama dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Implikasi kajian ini adalah, menghasilkan modul pengajaran yang dapat membantu guru prasekolah untuk mengajar kanak-kanak terhadap warisan budaya seperti yang tercatat dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) 2017.

Kata kunci: tarian Melayu Zapin, warisan budaya dan tradisi, kanak-kanak prasekolah, analisis keperluan, guru prasekolah

ABSTRACT

Learning about Zapin Malay dance is a vital dance art that needs to be inculcated in the children's souls. Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021, through the education aspect, has expressed a desire to promote appreciation for arts, culture, and national heritage for every level of education. The Malaysia Education Blueprint (PPPM) 2013 – 2025 also justifies that children need a general knowledge of history, arts, and music. Therefore, the preschool education curriculum should be streamlined by improving the quality of children's learning of Zapin Malay dance so that this cultural heritage will continue to be preserved. To determine the needs of preschool teachers for implementing the traditional Zapin Malay dance module among preschoolers, a needs analysis study was carried out. This study incorporates a quantitative survey method in its design. This study used purposive sampling where a total of 83 preschool teachers were involved in answering the questionnaire instrument. The Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 26 was used to analyze the data. The findings showed that preschool teachers had a high level of consent with a mean value of 4.06 on problems in implementing Zapin Malay dance with preschoolers. In addition, the preschool teacher also expressed high agreement, with a mean value of 4.13, on the need to develop a Zapin Malay dance module based on rhythmic movements among preschoolers. The implication of this study was to develop a teaching module that can assist preschool teachers in educating children about cultural heritage, with a particular emphasis on Zapin Malay dance, as stated in the National Preschool Standard Curriculum (KPSK) 2017.

Keywords: *Zapin Malay dance; cultural heritage and traditions; need analysis; preschool teacher; curriculum*

PENGENALAN

Pendidikan memberikan sumbangan besar terhadap ketamadunan sesebuah negara. Pendidikan bukanlah semata mengukur kepintaran dalam pembelajaran, namun pendidikan juga membantu membentuk keperibadian tingkah laku secara dalaman dan luaran kepada semua individu. Demikian itu, rakyat di negara sedang membangun seperti Malaysia perlulah meningkatkan ilmu pengetahuan, berfikiran inovatif dan kreatif, berdaya saing dan memupuk dan berbudaya dalam nilai moral (Nor Hayati Fatmi et al., 2010).

Isu pendidikan terkini, pendidikan yang menerapkan warisan budaya tradisi masyarakat Malaysia kini semakin pudar dan tenggelam mengikut pemodenan zaman terutamanya pada era pandemik virus Novel Coronavirus SARS- CoV-2 (COVID- 19) yang melanda di seluruh dunia. Malah, antara fokus bidang pendidikan yang terkesan dalam pendidikan awal kanak-kanak adalah pembudayaan tarian tradisional. Tarian tradisional merupakan salah satu yang dikategorikan sebagai warisan budaya tidak ketara sama seperti tradisi lisan, lakonan, muzik, nyanyian dan lukisan (Mohd Yuszaidy, 2018).

Hal ini dapat dibuktikan pada musim pandemik COVID-19, aktiviti seni, hiburan, pameran, penganjuran acara dan persembahan terpaksa dibatalkan akibat perintah berkurung (Suhaimi et al., 2020). Hal ini juga akan mencetuskan isu dalam program pendidikan awal kanak-kanak iaitu mereka tidak berkesempatan untuk bergiat dalam acara persembahan, pertandingan, lawatan dan sebagainya yang melibatkan industri warisan kebudayaan. Begitulah hakikatnya, kanak-kanak prasekolah kini sudah lagi tidak berpeluang untuk menceburi secara lahiriah dan fizikal tentang pergerakan tarian tradisional Malaysia. Bukan kerana mereka yang tidak berkemahuan, tetapi peluang dan ruang melalui pendidikan juga tidak diberikan kesempatan kepada mereka.

Masalah Kajian

Pada peringkat kanak-kanak, pembudayaan warisan seperti nyanyian lagu warisan bangsa, pakaian, perayaan serta makanan tradisional, tempat bersejarah, tokoh-tokoh negara terkenal

dan termasuklah tarian tradisional harus didedahkan. Tujuannya bukanlah untuk membina kerjaya mereka dalam bidang kesenian, akan tetapi tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira umur, bangsa dan agama untuk mereka menanam sifat kecintaan terhadap warisan budaya negara sendiri. Sekalipun begitu, pendidikan warisan budaya masih rapuh dalam jiwa kanak-kanak Malaysia terutamanya terhadap tarian tradisional.

Umum mengetahui apabila tiada kurikulum yang menyentuh pembelajaran tarian tradisional, maka kebarangkalian untuk guru prasekolah mengajar tarian tersebut juga agak sukar untuk dilaksanakan. Dengan itu, salah satu usaha untuk meluaskan pendidikan warisan budaya adalah dengan melakukan penambahbaikan terhadap sistem kurikulum sedia ada di sekolah (Elita et al., 2021). Kemudian, permasalahan juga wujud apabila kurangnya pengalaman pembelajaran melalui kelas secara fizikal berkaitan tarian tradisional untuk kanak-kanak prasekolah. Dalam kajian Mohd Azam et al (2013) menyatakan kebanyakan persembahan tarian tradisional dapat dilihat dalam acara keramaian seperti meraikan orang kenamaan, hari pertunangan dan perkahwinan sahaja. Keadaan ini juga sama dalam sistem pendidikan, tarian tersebut hanya terlihat apabila adanya keperluan seperti sambutan khas seperti kemerdekaan, pertandingan mewakili sekolah dan persembahan sambutan tetamu.

Permasalahan kajian diteruskan dengan guru prasekolah tidak berpengetahuan dalam tarian tradisional. Antara punca-punca mengapa guru prasekolah tidak begitu menitik beratkan pembelajaran budaya dan tradisi adalah kekangan guru itu sendiri, kurang membaca dan kekangan masa (Noraini et al., 2014). Di samping itu, bahan pengajaran tarian tradisional adalah terhad dan tidak meluas berkembang seperti tarian moden. Sebagai contoh, aktiviti pergerakan banyak menggunakan lagu moden yang trend di Youtube seperti Didi and Friends, CocoMelon, Super Simple Songs dan Pinkfong Kids. Berdasarkan kajian, pengajaran dan pembelajaran dalam kartun tersebut tertumpu kepada pembentukan nilai murni dan tingkah laku kanak-kanak (Mazarul Hasan et al., 2019).

Berdasarkan pengujahan di atas, pengkaji tertarik untuk menyelesaikan masalah kajian dengan membina sebuah Modul Tarian Tradisional Melayu Zapin bagi Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah. Sebelum membina sebuah modul, pengkaji perlu melakukan analisis keperluan terhadap pembinaan modul.

Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dilaksanakan:-

- i. Menenal pasti masalah untuk melaksanakan tarian tradisional masyarakat Melayu Malaysia bersama kanak-kanak prasekolah.
- ii. Menenal pasti keperluan mem/bangunkan Modul Tarian Tradisional Masyarakat Melayu Malaysia berasaskan pergerakan berirama dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.
- iii. Menenal pasti jenis kemahiran yang perlu ada di dalam Modul Tarian Tradisional Masyarakat Melayu Malaysia berasaskan pergerakan berirama dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

Persoalan Kajian

- i. Adakah terdapat masalah untuk melaksanakan tarian tradisional masyarakat Malaysia bersama kanak-kanak prasekolah?
- ii. Adakah terdapat keperluan membangunkan Modul Tarian Tradisional Masyarakat Melayu Malaysia berasaskan pergerakan berirama dalam kalangan kanak-kanak prasekolah?
- iii. Apakah jenis kemahiran yang perlu disertakan dalam kandungan Modul Tarian Tradisional Masyarakat Melayu Malaysia berasaskan pergerakan berirama dalam kalangan kanak-kanak prasekolah?

LATAR BELAKANG

Pada era moden dan mencabar ini, penghayatan dalam budaya tradisional kian lesap dan pudar di dalam hati masyarakat. Lebih merisaukan apabila tiada langsung pengamalan daripada generasi muda terutamanya di peringkat awal kanak-kanak. Pengamalan budaya tradisi ini termasuklah juga, pembudayaan tarian tradisional Malaysia. Dunia kini berkembang pantas melalui penggunaan internet yang meluas tanpa batasan. Kepelbagaian ‘bahan santapan’ internet telah tersedia seperti *e-mel*, *blog*, *facebook*, *twitter* dan *skype* yang menjadi *platform* baharu untuk manusia berkomunikasi merentasi sempadan etnik, agama dan budaya (Siti Aidah et al., 2021).

Pada masa yang sama, peningkatan kepada masalah kesihatan dalam golongan kanak-kanak juga kian meningkat saban hari. Data yang dikeluarkan oleh World Health Organization (WHO) 2017 melaporkan pada tahun 2015, anggaran 45 juta kanak-kanak Asia berumur 5 tahun ke bawah mengalami isu kesihatan serius iaitu obesiti atau berat badan berlebihan (Erwin et al., 2021). Oleh kerana itu, program pendidikan awal di Malaysia telah memperuntukan masa 30 minit sebanyak dua kali dalam seminggu untuk kanak-kanak terlibat dengan aktiviti luar kelas seperti aktiviti fizikal (KSPK, 2017).

KSPK (2017) telah meletakkan satu standard untuk kanak-kanak memahami warisan budaya masyarakat Malaysia. Objektifnya secara terperinci adalah mengenali warisan budaya, menghasilkan produk warisan budaya dan melibatkan diri dalam warisan budaya (KSPK, 2017). Oleh sebab itu, kanak-kanak diumpamakan sebagai aset negara kerana mereka akan menjadi agen kepada pemeliharaan serta pemuliharaan kepada khazanah negara termasuklah dalam segala seni dan tradisi. Bertepatan dengan pandangan sarjana iaitu warisan perlu diajarkan kepada generasi muda kerana ianya bernilai dan harus dipelihara (Hermawan, 2019).

Dalam bidang awal kanak-kanak, pergerakan fizikal merupakan aktiviti yang memberi peluang kepada kanak-kanak untuk melibatkan sepenuhnya dalam meluahkan perasaan mereka, imaginasi dan menginterpretasikan melalui muzik dengan melakukannya secara ‘*nonverbal*’. Aktiviti fizikal akan melibatkan kesemua jenis gerakan anggota badan disebabkan kontraksi otot (Jamilah et al., 2021). Memandangkan negara kita Malaysia yang mempunyai keunikan budaya yang pelbagai mengikut kaum, generasi muda ini perlu diberi pendedahan awal terutamanya tarian tradisional masyarakat Melayu Malaysia yang mempunyai pelbagai corak pergerakan berirama.

Kesimpulannya, modul tarian tradisional sememangnya amat diperlukan oleh guru sekolah terutamanya pendidikan di peringkat prasekolah. Hal ini sejajar dengan standard dasar yang telah dimatlamatkan oleh KPSK 2017 iaitu bagi melahirkan kanak-kanak yang mengenali dan melibatkan diri dalam warisan budaya di Malaysia, ianya termasuklah tarian masyarakat Melayu Malaysia. Pada masa yang sama, guru juga mempunyai sistem pengajaran yang berstruktur untuk meningkatkan pergerakan fizikal kanak-kanak di dalam kelas. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis keperluan bagi membangunkan Modul Tarian Tradisional Melayu Zapin Bagi Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Analisis keperluan bagi pembangunan Modul Tarian Tradisional Melayu Zapin Bagi Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah menggunakan reka bentuk kajian jenis kuantitatif. Kaedah tinjauan digunakan untuk mengumpul maklumat berkenaan pandangan dan tahap persetujuan guru prasekolah terhadap pembinaan modul tersebut.

Sampel Kajian

Bagi mendapatkan maklumat sahih sebelum pengkaji membangunkan sebuah modul tarian tradisional, pemilihan persampelan bertujuan amatlah penting dalam kajian analisis keperluan. Oleh kerana, kegunaan modul yang dibina kemudian akan menjadi fokus panduan kepada pendidik (guru prasekolah) sahaja. Maklumat kajian kuantitatif berfungsi untuk mendapatkan pandangan berlandaskan pengetahuan, kepakaran serta pengalaman mereka (Lebar, 2017). Sampel kajian ini adalah seramai 83 guru prasekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang mempunyai pengalaman mengajar kanak-kanak prasekolah berumur 5 dan 6 tahun.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik yang mengandungi tiga bahagian utama iaitu; (A) Analisis Masalah Dalam Melaksanakan Tarian Tradisional Melayu (B) Analisis Keperluan Kandungan Pembinaan Modul Tarian Tradisional dan (C) Analisis Keperluan Kemahiran Dalam Kandungan Pembinaan Modul Tarian Tradisional. Keseluruhan tiga bahagian mempunyai adalah 29 item. Selain itu, instrumen analisis keperluan ini menggunakan Skala Likert 5 Mata yang bertujuan untuk mengetahui tahap persetujuan guru prasekolah. Skala Likert 5 Mata tersebut adalah (1) Sangat Tidak Setuju; (2) Tidak Setuju; (3) Kurang Setuju; (4) Setuju; (5) Sangat Setuju.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Sebelum kajian sebenar dilaksanakan, pengkaji telah melakukan kajian rintis dan menganalisis data tersebut menggunakan Alpha Cronbach. Kajian rintis bersesuaian untuk menjalankan kajian tinjauan berskala besar serta berperanan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahihan terutamanya bidang kajian seperti pengurusan, sains sosial dan pendidikan (Wadood et al., 2021). Maka, pengkaji menjalankan kajian rintis bersama 30 guru prasekolah KPM. Sampel yang dipilih bagi kajian rintis mempunyai ciri-ciri sampel kajian sebenar termasuklah

pengalaman mengajar dan latar belakang pendidikan. Jadual 1 menunjukkan data rintis kajian ini:-

Jadual 1 Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Alpha Cronbach

Bahagian	Keseluruhan Item (N)	Nilai Alpha Cronbach
A	7	.636
B	11	.978
C	11	.991

Berdasarkan Jadual 1 menunjukkan bahawa keseluruhan bahagian item pada instrumen memperoleh nilai indeks kebolehpercayaan melebihi 0.6. Mengikut klasifikasi indeks kebolehpercayaan yang dicadangkan oleh Bond dan Christine M. Fox (2015), nilai kebolehpercayaan Cronbach yang boleh diterima adalah 0.6 dan ke atas. Justeru itu, pengkaji boleh melaksanakan kajian sebenar tanpa perlu melakukan penambahbaikan dan permurniaan item pada instrumen lagi.

Analisis Data

Kajian ini telah menggunakan instrumen soal selidik Skala Likert 5 Mata. Oleh itu, data dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 26. Data yang dikeluarkan dalam kajian ini adalah skor min dan sisihan piawaian. Selanjutnya, nilai min tersebut akan diinterpretasikan mengikut kategori supaya tahap persetujuan guru prasekolah dapat diketahui tahapnya. Jadual interpretasi skor min tersebut dirujuk dalam kajian (Nunnally & Bernstein, 1994):-

Jadual 2 Interpretasi Skor Min

Skor Min	Kategori
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini membincangkan secara deskriptif yang memaparkan nilai min, kekerapan serta peratusan mengikut pilihan tahap persetujuan yang dijawab oleh guru prasekolah. Pengkaji menetapkan kategori nilai min bagi setiap item diinterpretasi mengikut cadangan dalam kajian Nunnally dan Bernstein (1994).

Analisis Masalah Dalam Pelaksanaan Tarian Tradisional

Jadual 3 Analisis Masalah Dalam Pelaksanaan Tarian Tradisional (n=83)

Item	Pernyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
A1	Guru kurang berpengetahuan berkaitan tarian tradisional.	0 (0.0%)	1 (1.2%)	19 (22.9%)	32 (38.6%)	31 (37.3%)	4.12
A2	Guru kurang berkemahiran berkaitan tarian tradisional.	0 (0.0%)	1 (1.2%)	14 (16.9%)	30 (36.1%)	38 (45.8%)	4.27
A3	Guru kurang melaksanakan tarian tradisional di dalam kelas bersama kanak-kanak.	1 (1.2%)	0 (0.0%)	12 (14.5%)	35 (42.5%)	35 (42.5%)	4.24
A4	Guru hanya melaksanakan tarian tradisional apabila terdapat keperluan seperti pertandingan dan persembahan bersama kanak-kanak.	0 (0.0%)	2 (2.4%)	10 (12.0%)	33 (39.8%)	38 (45.8%)	4.29
A5	Guru beranggapan unsur tarian moden lebih senang diajar berbanding unsur tarian tradisional.	8 (9.6%)	13 (15.7%)	28 (33.7%)	20 (24.1%)	14 (16.9%)	3.23
A6	Guru mempunyai bahan pengajaran yang terhad berkaitan tarian tradisional untuk kanak-kanak.	2 (2.4%)	7 (8.4%)	10 (12.0%)	36 (43.4%)	28 (33.7%)	3.89
A7	Guru tidak mempunyai panduan untuk melaksanakan tarian tradisional bersama kanak-kanak.	0 (0.0%)	4 (4.8%)	10 (12.0%)	27 (32.5%)	42 (50.6%)	4.29

Pada bahagian instrumen ini adalah bertujuan untuk menganalisis masalah yang dihadapi oleh guru prasekolah apabila mereka ingin melaksanakan tarian tradisional bersama kanak-kanak prasekolah. Terdapat tujuh item menyatakan masalah yang dihadapi oleh guru prasekolah serta

keseluruhan bagi setiap item mendapat nilai min diantara 3.01 sehingga 5.00 iaitu kategori tahap sederhana tinggi dan tahap tinggi.

Data kajian menunjukkan item A7 iaitu ‘Guru tidak mempunyai panduan untuk melaksanakan tarian tradisional bersama kanak-kanak’ dengan nilai min 4.29 mencatatkan nilai min yang paling tinggi. Nilai min bagi item ini berada pada kategori tinggi. Seramai 42 guru prasekolah (50.6%) sangat setuju serta disusuli dengan 27 guru prasekolah (32.5%) setuju. Kemudian, seramai 10 guru prasekolah (12.0%) kurang setuju dan akhir sekali 4 guru prasekolah (4.8%) tidak setuju dengan pernyataan item.

Seterusnya, min kedua tertinggi bagi masalah yang dihadapi oleh guru prasekolah untuk melaksanakan tarian tradisional bersama kanak-kanak adalah item A4 ‘Guru hanya melaksanakan tarian tradisional apabila terdapat keperluan seperti pertandingan dan persembahan bersama kanak-kanak.’ dengan nilai 4.29 iaitu pada kategori min tinggi. Dapatan kajian bagi item ini menunjukkan seramai 38 guru prasekolah (45.8%) sangat setuju dan 30 guru prasekolah (36.1%) setuju bahawa mereka kurang berkemahiran terhadap tarian tradisional. Namun, seramai 10 guru prasekolah (12.0%) kurang setuju serta 2 guru prasekolah (2.4%) tidak setuju bahawa mereka hanya melaksanakan tarian tradisional apabila terdapat program khas yang memerlukan kanak-kanak untuk menari.

Selanjutnya, item A2 iaitu ‘Guru kurang berkemahiran berkaitan tarian tradisional’ mencatatkan nilai min ketiga tertinggi dengan nilainya 4.27 iaitu pada kategori nilai min tinggi. Pada item ini, seramai 38 guru prasekolah (45.8%) sangat setuju dan 30 guru prasekolah (36.1%) setuju menyatakan mereka tidak mempunyai kemahiran yang baik dalam tarian tradisional. Walaupun begitu, masih terdapat juga 14 guru prasekolah (16.9%) kurang setuju dan seorang guru prasekolah (1.2%) tidak setuju dengan menolak pernyataan tersebut.

Diulaskan bahawa, persoalan bagi menganalisis masalah yang dihadapi oleh guru prasekolah untuk mereka melaksanakan tarian tradisional bersama kanak-kanak adalah berada pada kategori yang tinggi. Antara masalah yang paling mendapat persetujuan yang tinggi daripada guru prasekolah adalah mereka tidak mempunyai panduan untuk melaksanakan tarian tradisional bersama kanak-kanak.

Analisis Keperluan Kandungan Pembinaan Modul

Pada bahagian ini pula akan membincangkan keperluan kandungan bagi pembinaan Modul Tarian Tradisional. Terhadap dua aspek keperluan yang perlu diambil kira disebabkan kegunaan modul ini adalah sebagai panduan kepada guru prasekolah untuk mengajar kanak-kanak serta aspek keperluan kanak-kanak yang memerlukan mereka untuk mencapai perkembangan standard pembelajaran minima mengikut KPSK 2017.

Jadual 4 Analisis Keperluan Kandungan Pembinaan Modul (n=83)

Item	Pernyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
ASPEK: KEPERLUAN GURU							
B1	Modul membantu guru dalam melaksanakan aktiviti tarian tradisional.	1 (1.2%)	4 (4.8%)	11 (13.3%)	36 (43.4%)	31 (37.3%)	4.11
B2	Modul membantu guru merancang aktiviti tarian tradisional secara berstruktur.	2 (2.4%)	2 (2.4%)	11 (13.3%)	36 (43.4%)	32 (38.6%)	4.13
B3	Modul menerapkan pengetahuan asas tarian guru di dalam kelas.	2 (2.4%)	3 (3.6%)	8 (9.6%)	37 (44.6%)	33 (39.8%)	4.16
B4	Modul menyokong guru menerapkan kemahiran pergerakan berirama di dalam kelas.	0 (0.0%)	5 (6.0%)	11 (13.3%)	33 (39.8%)	34 (41.0%)	4.16
B5	Modul membantu guru untuk memenuhi keperluan minima Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KPSK) dalam Tunjang Fizikal dan Estetika.	2 (2.4%)	1 (1.2%)	11 (13.3%)	39 (47.0%)	30 (36.1%)	4.13
ASPEK: KEPERLUAN KANAK-KANAK							
B6	Modul meningkatkan perkembangan fizikal kanak-kanak melalui tarian tradisional.	1 (1.2%)	2 (2.4%)	12 (14.5%)	41 (49.4%)	27 (32.5%)	4.10
B7	Modul meningkatkan kemahiran pergerakan berirama kanak-kanak dalam tarian tradisional.	1 (1.2%)	3 (3.6%)	9 (10.8%)	41 (49.4%)	29 (34.9%)	4.13
B8	Modul menarik minat kanak-kanak untuk belajar tarian tradisional menerusi pergerakan dan iringan lagu.	3 (3.6%)	2 (2.4%)	10 (12.0%)	38 (45.8%)	30 (36.1%)	4.08

B9	Modul membantu kanak-kanak meningkatkan keyakinan dalam melakukan aktiviti tarian tradisional.	1 (1.2%)	2 (2.4%)	9 (10.8%)	39 (47.0%)	32 (38.2%)	4.19
B10	Modul meningkatkan motivasi kanak-kanak berlatih kemahiran tarian yang lain.	2 (2.4%)	2 (2.4%)	12 (14.5%)	40 (48.2%)	27 (32.5%)	4.06
B11	Modul melestarikan penghayatan warisan budaya masyarakat Melayu kepada kanak-kanak.	1 (1.2%)	1 (1.2%)	11 (13.3%)	39 (47.4%)	31 (37.3%)	4.18

Berdasarkan Jadual 4 di atas, kajian menunjukkan keperluan kandungan yang mendapat min tertinggi bagi aspek keperluan guru adalah pada item B4 iaitu ‘Modul menyokong guru menerapkan kemahiran pergerakan berirama di dalam kelas’ dengan nilai min 4.16. Data mencatatkan seramai 34 guru prasekolah (41.0%) sangat setuju serta 33 guru prasekolah (39.8%) setuju dengan pernyataan tersebut. Namun, terdapat juga 11 guru prasekolah (13.3%) kurang setuju dan dikahiri dengan 5 guru prasekolah (6.0%) yang masih tidak setuju berkaitan keperluan kandungan bagi aspek guru.

Selanjutnya, min kedua tertinggi bagi aspek keperluan guru terhadap kandungan pembinaan modul adalah pada item B3 iaitu ‘Modul menerapkan pengetahuan asas tarian guru di dalam kelas’ dengan nilai min 4.16. Seramai 33 guru prasekolah (39.8%) sangat setuju dan 37 guru prasekolah (44.6%) setuju bahawa modul perlu melatih pengetahuan asas tarian untuk guru prasekolah. Walaubagaimanapun, seramai 8 guru prasekolah (9.6%) kurang setuju, 3 guru prasekolah (3.6%) dan di akhiri dengan 2 guru prasekolah (2.4%) sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut.

Diteruskan pula, aspek keperluan kanak-kanak terhadap kandungan dalam pembinaan modul tarian tradisional, nilai min paling tinggi adalah pada item B9 iaitu ‘Modul membantu kanak-kanak meningkatkan keyakinan dalam melakukan aktiviti tarian tradisional’ dengan nilai 4.19. Data mencatatkan seramai 32 guru prasekolah (38.2%) sangat setuju dan 39 guru prasekolah (47.0%) setuju dengan pernyataan tersebut. Tetapi, masih juga terdapat segelintir guru prasekolah iaitu seramai 9 guru prasekolah (10.8%) kurang setuju, 2 guru prasekolah (2.4%) serta seorang guru prasekolah (1.2%) sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut.

Selain itu, item B11 iaitu ‘Modul melestarikan penghayatan warisan budaya masyarakat Melayu kepada kanak-kanak’ juga mencatatkan min kedua tertinggi dengan nilai min 4.18. Data menunjukkan seramai 31 guru prasekolah (37.3%) sangat setuju dan 39 guru prasekolah (47.4%) setuju agar modul yang dibina akan meningkatkan kelestarian penghayatan warisan budaya dalam diri kanak-kanak. Namun, seramai 9 guru prasekolah (10.8%) kurang setuju, 2 guru prasekolah (2.4%) tidak setuju dan akhir sekali, seorang guru prasekolah (1.2%) sangat tidak setuju terhadap keperluan kandungan tersebut.

Keseluruhannya, aspek keperluan daripada guru prasekolah dan kanak-kanak terhadap kandungan pembinaan modul ini, guru prasekolah mempunyai tahap persetujuan yang tinggi terhadap semua item oleh kerana nilai min berada pada 4.00 dan ke atas. Dijelaskan bahawa aspek keperluan guru terhadap kandungan pembinaan modul adalah guru memerlukan modul yang menyokong mereka untuk menerapkan kemahiran pergerakan berirama. Bagi aspek keperluan kanak-kanak pula, guru prasekolah memerlukan modul yang mampu membantu kanak-kanak dalam meningkatkan keyakinan untuk melakukan tarian tradisional.

Analisis Keperluan Kemahiran Dalam Kandungan Tarian Tradisional

Jadual 4 *Analisis Keperluan Kemahiran Dalam Kandungan Tarian (n=83)*

Item	Pernyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
C1	Kandungan modul terdiri dari pelbagai jenis pergerakan tarian tradisional.	1 (1.2%)	3 (3.6%)	4 (4.8%)	42 (50.6%)	33 (39.8%)	4.24
C2	Kandungan modul melatih kanak-kanak menguasai perkembangan motor kasar.	0 (0.0%)	3 (3.6%)	4 (4.8%)	39 (47.0%)	37 (44.6%)	4.33
C3	Kandungan modul merangkumi jenis lokomotor (Contoh: berjalan, melompat, berlari, berskip).	0 (0.0%)	3 (3.6%)	3 (3.6%)	33 (39.8%)	44 (53.0%)	4.42
C4	Kandungan modul memberikan panduan untuk melakukan pergerakan lokomotor mengikut arah.	0 (0.0%)	3 (3.6%)	10 (12.0%)	35 (42.4%)	35 (42.4%)	4.23
C5	Kandungan modul memberikan panduan untuk melakukan pergerakan lokomotor mengikut aras.	0 (0.0%)	4 (4.8%)	6 (7.2%)	33 (39.8%)	40 (48.2%)	4.31
C6	Kandungan modul memberikan panduan untuk melakukan pergerakan lokomotor mengikut laluan.	0 (0.0%)	3 (3.6%)	7 (8.4%)	35 (42.2%)	38 (45.8%)	4.30

C7	Kandungan modul memberikan panduan untuk melakukan pergerakan lokomotor mengikut kelajuan.	0 (0.0%)	3 (3.6%)	10 (12.0%)	35 (42.4%)	35 (42.4%)	4.23
C8	Kandungan modul merangkumi jenis pergerakan bukan lokomotor (Contoh: membongkok, memusing, mengimbang dan mengayun).	0 (0.0%)	4 (4.8%)	3 (3.6%)	35 (42.2%)	41 (49.4%)	4.36
C9	Kandungan modul meliputi pergerakan berirama.	0 (0.0%)	4 (4.8%)	4 (4.8%)	36 (43.4%)	39 (47.0%)	4.33
C10	Kandungan modul menerapkan elemen pergerakan tarian tradisional.	0 (0.0%)	2 (2.4%)	8 (9.6%)	36 (43.4%)	37 (44.6%)	4.30
C11	Kandungan modul melatih kanak-kanak menyusun gerak langkah tarian tradisional.	0 (0.0%)	3 (3.6%)	8 (9.6%)	32 (38.6%)	40 (48.2%)	4.31

Jadual 4 menerangkan analisis keperluan kemahiran dalam kandungan tarian tradisional yang diperlukan oleh guru prasekolah untuk membantu pengajaran tarian tradisional kepada kanak-kanak. Guru prasekolah menyatakan tahap persetujuan yang tinggi terhadap item C3 iaitu ‘Kandungan modul merangkumi jenis lokomotor (Contoh: berjalan, melompat, berlari, berskip)’ dengan nilai min 4.42. Data menunjukkan seramai 44 guru prasekolah (53.0%) menyatakan sangat setuju dan juga 33 guru prasekolah (39.8%) setuju dengan item tersebut. Seterusnya, 3 guru prasekolah (3.6%) kurang setuju dan 3 guru prasekolah (3.6%) tidak setuju dengan pernyataan tersebut.

Persetujuan kedua tertinggi yang dinyatakan oleh guru prasekolah adalah pada item C8 iaitu ‘Kandungan modul merangkumi jenis pergerakan bukan lokomotor (Contoh: membongkok, memusing, mengimbang dan mengayun)’ dengan nilai 4.36. Dapatan kajian menunjukkan 41 guru prasekolah (49.4%) sangat setuju dan 35 guru prasekolah (42.2%) setuju bahawa kandungan modul perlu mengandungi kemahiran bukan lokomotor untuk mengukuhkan asas tarian tradisional. Sebaliknya, seramai 3 guru prasekolah (3.6%) kurang setuju dan 4 guru prasekolah (4.8%) tidak setuju dengan pernyataan tersebut.

Data yang menunjukkan min ketiga tertinggi pada bahagian keperluan kemahiran dalam kandungan modul tarian tradisional dalam kajian ini adalah pada item C9 iaitu ‘Kandungan modul meliputi pergerakan berirama’ dengan nilai 4.33. Guru prasekolah seramai 39 orang (47.0%) sangat setuju serta 36 guru prasekolah (43.4%) setuju dengan item tersebut. Diakhir dengan 4 guru prasekolah (4.8%) kurang setuju dan 4 guru prasekolah (4.8%) tidak setuju untuk modul tarian tradisional merangkumi gerakan irama.

Kesimpulannya, item-item pada bahagian analisis keperluan kemahiran dalam kandungan modul tarian tradisional ini mencatatkan kategori tinggi kerana kesemua nilainya 4.01 dan ke atas. Data ini menunjukkan kemahiran yang dinyatakan adalah bersesuaian untuk panduan pengajaran oleh guru prasekolah. Antara yang mendapat persetujuan tinggi daripada guru prasekolah adalah kandungan yang merangkumi pergerakan lokomotor dan bukan lokomotor dalam tarian tradisional.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Secara umumnya, pengkaji melaksanakan kajian analisis keperluan ini adalah untuk menganalisis masalah yang sering dihadapi oleh guru, keperluan kandungan yang bagaimana diperlukan serta keperluan kemahiran apa yang diinginkan oleh guru prasekolah agar mereka mudah untuk mengajar kanak-kanak berkaitan tarian tradisional. Kajian analisis keperluan merupakan sebahagian langkah penting apabila seorang pengkaji ingin membangunkan sesebuah produk termasuk modul.

Hasil kajian telah menunjukkan bahawa guru prasekolah sememangnya mempunyai tahap persetujuan yang tinggi terhadap masalah yang dihadapi oleh mereka semasa ingin melaksanakan tarian tradisional bersama kanak-kanak. Masalah yang paling ketara yang dinyatakan oleh guru prasekolah adalah mereka tidak mempunyai panduan yang berstruktur untuk dijadikan sumber dan bahan rujukan pengajaran mereka. Elita et al. (2021) pernah menegaskan agar pendidikan warisan budaya haruslah sentiasa ditambahbaik melalui sistem pendidikan kurikulum sedia ada mengikut kemajuan pendidikan.

Seterusnya, guru prasekolah juga memerlukan sebuah modul yang dapat membantu mereka meningkatkan kemahiran pergerakan berirama dalam tarian tradisional. Dalam kajian ini juga memfokuskan tarian tradisional yang berasaskan pergerakan berirama oleh kerana keunikan seni tari dapat dipersembahkan dengan irama. K.Saundrajan (2016) menegaskan bahawa kanak-kanak juga mudah menguasai kemahiran motor dengan pantas melalui gerak irama. Apabila kanak-kanak dapat belajar sesuatu pengalaman baru secara berstruktur dan menyeronokkan, keyakinan kanak-kanak untuk menari tarian tradisional juga akan meningkatkan secara tidak langsung.

Guru prasekolah juga memerlukan sebuah modul yang mengandungi kemahiran lokomotor dan bukan lokomotor. Hal ini sejajar dengan standard pembelajaran yang ditetapkan dalam KPSK 2017. Dalam pergerakan berirama KSPK 2017 juga telah terbahagi kepada empat standard pembelajaran iaitu (i) pergerakan lokomotor mengikut muzik, (ii) pergerakan bukan lokomotor mengikut muzik, (iii) pergerakan bebas mengikut muzik dan akhir sekali (iv) mencipta pergerakan kreatif mengikut muzik menggunakan alatan (KSPK, 2017).

Implikasi kajian ini, modul ini akan menjelaskan setiap elemen yang terlibat dalam aktiviti pergerakan akan menjadi keperluan kemahiran untuk mendidik kanak-kanak dalam tarian tradisional di dalam kelas. Keberhasilan modul ini juga akan memberikan manfaat dan idea baru untuk guru prasekolah terapkan tarian tradisional bersama kanak-kanak. Pada masa sama, kanak-kanak juga mempelajari penghayatan warisan budaya serta meningkatkan keyakinan mereka untuk memperkasakan tarian tradisional pada masa akan datang.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian analisis keperluan ini telah membuktikan bahawa guru prasekolah memerlukan sebuah modul yang memfokuskan kepada tarian tradisional serta dapat memberikan manfaat dari pelbagai sudut. UNESCO (2021) menyatakan bahawa guru prasekolah mampu menghuraikan secara latihan berspesifik, kemahiran dan pengetahuan kepada kanak-kanak untuk mereka mengenali maksud dan keaslian budaya tradisi. Pengkaji ingin membangunkan sebuah modul berkualiti seperti yang digariskan oleh Russel (1974) dalam Jamariah dan Luen (2017) iaitu (i) populasi yang tepat, (ii) modul dapat digunakan sebaiknya, (iii) masa diperuntukan bersesuaian, (iv) sasaran pencapaian yang positif serta (v) perubahan sikap yang baik. Oleh itu, menjadi kewajaran bagi kanak-kanak pada masa kini diberikan hak untuk mereka mengenali dan melestarikan warisan budaya dan tradisi asli termasuklah tarian tradisional dengan adanya, bimbingan dan tunjuk ajar yang berkualiti daripada guru prasekolah mereka sendiri.

RUJUKAN

- Bond, T., & Christine M. Fox. (2015). *Applying the Rasch Model . Fundamental Measurement in the Human Sciences* (3rd Edition). <https://doi.org/https://doi.org/10.4324/9781315814698>
- Elita, M. D., Subiyantoro, S., & Roemintoyo. (2021). Implementation of Traditional Dance Art Extracurriculars in Elementary School. *Proceedings of the 5th International Conference on Arts Language and Culture (ICALC 2020)*, 534(534), 18–23. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.210226.042>
- Erwin, M., Mohd Radzani, A. R., & Erwan, I. (2021). Tahap Penglibatan Aktiviti Fizikal dan Kecergasan Fizikal Dalam Kalangan Pemain Bola Sepak di Kapit, Sarawak. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3(1), 150–158. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpg/article/view/12549/6268>
- Hermawan, B. (2019). *Studi pelestarian warisan budaya di kabupaten ngawi sebagai identitas kota*. Universitas Islam Indonesia.
- Jamariah, M., & Luen, L. C. (2017). Pembangunan Dan Kesahan Modul Pergerakan Kreatif Dalam Elemen Drama (PETIF-MA) Bagi Kanak-Kanak Prasekolah. *Laboratorium Penelitian Dan Pengembangan FARMAKA TROPIS Fakultas Farmasi Universitas Mualawarman, Samarinda, Kalimantan Timur, Edisi Khas*, 67–78.
- Jamilah, M. B., Azizah, Z., & Siti Hartini, A. (2021). Aplikasi Kaedah Fuzzy Delphi Dalam Pembangunan Kerangka Penilaian Kecergasan Fizikal Berasaskan Kesihatan Kanak-Kanak Prasekolah. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 10(Special Issue), 77–88. <https://doi.org/10.37134/saecj.vol10.sp.7.2021>
- K.Saundran, K. A. (2016). *Kesan Program Permainan terhadap Kemahiran Motor Kasar Kanak-Kanak Prasekolah Di Negeri Sembilan, Malaysia* (Issue September). Univerisiti Putra Malaysia.
- Kurikulum, B. P. (2016). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan* (Semakan 20). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lebar, O. (2017). *Penyelidikan Kualitatif (Pengenaln Kepada Teori dan Metode)* (Edisi Kedu). Univerisiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mazarul Hasan, M. H., Norazimah, Z., & Norazilawati, A. (2019). Nilai Pendidikan dalam Bahan Pengajaran Multimedia Kartun Animasi Upin dan Ipin untuk Murid Sekolah Rendah. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 2(4), 12–23.
- Mohd Azam, S., Zaharul Lailiddin, S., & Nor Shuradi, N. H. (2013). Muzik Tradisi Tari Rakyat Perak: Suatu Pendekatan Etnomuzikologi. *Malaysian Music Journal*, 2(1), 72–105.
- Mohd Yuszaidy, M. Y. (2018). Pemuliharaan warisan budaya melalui perundangan warisan dan agensi pelaksana di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 17(2), 143–159.
- Nor Hayati Fatmi, T., Bani Hidayat, M. S., Mohd Huzairi, A., Hajarul Bahti, Z., Nabiroh, K., & Jamil, A. (2010). Pembangunan Negara Melalui Pendidikan Kemahiran Insaniah. *Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI, November*, 292–301.
- Noraini, O., Mohd Aderi, C. N., & Mohd Isa, H. (2014). Kepelbagaian Elemen Budaya Dalam Pengajaran Pendidikan Islam : Isu Dan Kepentingan. *The Online Journal of Islamic Education, Special Issue*, 1–11.
- Nunally, J., & Bernstein, I. (1994). *Psychometric theory*. Edisi ke-3. New York: McGraw Hill.
- Siti Aidah, L. @ L., Mohd Sohaimi, E., Abang Mohd Razif, A. M., Romzi, A., Budi Anto, M. T., Irma Wani, O., & Saifulazry, M. (2021). Methods and Challenges in Managing Ethnic Relations in Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23), 115–124. <https://doi.org/10.35631/ijlgc.623008>
- Suhaimi, M., Jabil, M., Baharuddin, M. A., Rosli, S., Datu Razali, D. E., & Toh, M. M. (2020). Impact, Challenges

- And Inisiative Performing Art Activist During The Period Of Covid-19 Pandemic. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 19(32), 74–82.
- Teaching and Learning with Living Heritage Based on the Lessons Learnt from a Joint UNESCO-EU Pilot Project A Resource Kit for Teachers.* (2021). United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization.
- Wadood, F., Akbar, F., & Ullah, I. (2021). The Importance and Essential Steps of Pilot Testing in Management Studies: a Quantitative Survey Results. *Journal of Contemporary Issues in Business and Government*, 27(5), 2021. <https://cibg.org.au/>